

**PESAKIT** epilepsi biasanya diberikan ubat-ubatan anti konvulsi.

- Gambar hiasan

**OLEH RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH**

**MENYEBUT** tentang epilepsi, tentu ramai yang tidak mengenali penyakit ini. Epilepsi adalah panggilan nama bagi pelepasan (cetusan elektrik) jirim kelabu yang berlaku sekali sekala, secara tiba-tiba, cepat dan keluar dengan banyak.

Penyakit epilepsi ini (atau lebih dikenali sebagai sawan di kalangan orang ramai), sering kali dikaitkan dengan penyakit buatan walaupun secara saintifiknya, ia merupakan penyakit yang berbahaya jika tiada pendedaran awal.

Kerana kurang kefahaman dan kesedaran, sebahagian besar masyarakat menganggap epilepsi berpunca daripada gangguan kuasa ghaib. ..

Lebih membimbangkan, ramai yang beranggap penghidap penyakit ini 'gila' atau terencat akal, ataupun ia akan mengakibatkan masalah mental.

Menurut **Profesor dan Pakar Perunding Kanan Neurologi, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Raymond Azman Ali**, penyakit ini perlu pengawalan mulai peringkat awal lagi.



**PESAKIT** yang diserang epilepsi selalunya tidak sedarkan diri.

- Gambar hiasan

# Fahami epilepsi

M/M 22/06/08 M/S 2

"Penyakit epilepsi bukan satu petanda buruk dan memalukan dalam hidup pesakit. Bukan penyakit berjangkit dan tiada masalah mental.

"Kebanyakan pesakit mempunyai tahap kecerdasan otak yang normal mahupun melebihi purata normal.

"Malah, ramai yang menempah kejayaan walaupun menghidap penyakit ini," jelasnya.

Beliau tidak menafikan, penghidap epilepsi boleh bekerja seperti individu normal lain. Syaratnya, selagi mereka tidak mengendalikannya senjata berbahaya atau mengendalikan mesin atau jentera berat.

Begitu juga dengan aktiviti sukan. Ramai yang berpendapat pesakit epilepsi tidak boleh menyertai aktiviti lasak. Ada juga pesakit yang tidak faham berhubung istilah yang digunakan ketika memohon lesen memandu.

Setengah pesakit mendakwa, mereka menghidap epilepsi, bukan sawan seperti

yang tertera dalam borang. Lebih malang lagi, ramai berpendapat penghidap epilepsi tidak mempunyai masa depan yang baik. Alasan mereka, tiada siapa yang ingin berkahwin dengan penghidap epilepsi.

Kebimbangan paling ketara ialah kemungkinan mereka akan melahirkan anak-anak yang cacat. Sebetulnya, epilepsi boleh dihidapi oleh sesiapa saja. Ini termasuklah mereka yang bijak pandai dan golongan profesional seperti doktor, jurutera, peguam dan sebagainya.

Menurutnya, epilepsi berpunca daripada gangguan dalam bahagian otak yang boleh berulang dalam bentuk serangan sawan, menyebabkan penderitaan serius. Ia merupakan gangguan sistem urat saraf (neurologikal) tidak menentu yang serius yang paling kerap ditemui.

Adalah dianggarkan, sekurang-kurangnya

100 juta orang akan melalui pengalaman epilepsi sekali dalam seumur hidup mereka manakala kira-kira dua juta kes baru dilaporkan setiap tahun.

"Sawan disebabkan oleh pelepasan elektrik dari otak yang berlebihan dalam sekumpulan sel otak secara mengejut, selalunya dalam jangka yang amat pendek. Sewaktu sawan, neuron di dalam bahagian otak (topi sel-sel saraf menghasilkan pelepasan elektrik) boleh melepaskan sebanyak 500 kali sekuat, yang mana mengganggu aktiviti-aktiviti normal saraf, kelenjar dan otot," ujar beliau.

Dr. Raymond Azman berkata, lain-lain bahagian otak juga boleh terpengaruh dan bentuk gangguan epilepsi akan berbeza, bergantung pada sel otak yang khususnya terlibat.

Secara mudahnya, epilepsi adalah satu



PROF. DR. RAYMOND

## Panduan ketika serangan epilepsi

- Jangan panik. Baringkan pesakit tersebut di tempat selamat. Alaskan kepalanya dengan sesuatu yang lembut. Jangan biarkan orang mengerumuni pesakit bagi mengelakkan kekurangan oksigen.
- Tanggalkan cermin mata, longgarkan pakaiannya. Jauhkan objek-objek tajam yang ada berhampiran.
- Jangan letakkan apa-


apa objek dalam mulut pesakit terutamanya jari anda kerana ini boleh mencederakan anda. Gigi pesakit boleh patah dan objek itu boleh menghalang saluran pernafasan.

- Adalah mustahil untuk pesakit menggigit putus lidahnya. Lidah merupakan otot yang kuat dan ia mudah sembuh. Elakkan memberi apa-apa makanan atau minuman sehingga pesakit sedar se-

perti biasa.

- Jangan cuba menahan atau mengikatnya dari bergerak. Apabila sawan sudah berakhir, baringkan pesakit lalu iringkan bandainya supaya saluran pernafasannya lapang.

- Jika pesakit keliru atau ketakutan, berikan ia keyakinan bahawa semuanya adalah seperti sedia kala. Temani pesakit sehingga dia betul-betul pulih.



gangguan di mana aliran isyarat elektrik di dalam otak menjadi celaru.

Ia kadangkalanya diumpamakan seperti berlaku ribut elektrik di dalam otak. Pelepasan elektrik dari otak yang berlebihan, pada zahimnya, adalah serangan sawan.

Ia dapat dilihat dalam bentuk sentakan (jerky), menggigil dan terkejut-kejang, bunyi kuat seperti berdengkur atau rebah ke tanah, atau gabungan ketiga-tiganya.

Dalam realitinya, serangan sawan boleh terjadi dalam sebarang bentuk perlakuan atau pergerakan yang tidak disedari atau tidak normal.

### Perlu rawatan segera

"Seelok-eloknya, jika seseorang itu diserang penyakit ini dan mengalami gejala kecil berulang-ulang, seharusnya segera ke hospital.

"Misalnya, seseorang yang tiba-tiba berkelakuan pelik seperti berlari tanpa pakaian, kita tidak perlu menganggap dia gila.

"Apa yang perlu dilakukan, bawa dia ke hospital untuk pemeriksaan lanjut," jelasnya.

Tambah Dr. Raymond Azman, antara gejala yang mungkin dialami pesakit ialah berkelakuan pelik seperti menjerit-jerit tanpa sebab dan termenung.

Kelakuan ini mungkin tidak disedari pesakit dan keluarganya tetapi jika ia berlaku, tidak perlu menganggap dia gila.

Menurut Dr. Raymond Azman, oleh kerana pesakit selalunya tidak sedarkan diri, keterangan ahli keluarga atau saksi yang berada di tempat kejadian sangat mustahak bagi mengenal pasti jenis penyakit.

"Tanda-tanda paling ketara bagi membezakan epilepsi dengan yang lain adalah, apabila sawan berulang, ada waktu bebas di antara kedua-duanya, pesakit normal dan sifat serangannya serupa.

"Setiap kali selepas serangan, pesakit berasa

## Sesetengah ubat membahayakan janin, walaubagaimanapun, serangan sawan lebih merbahaya kepada puan serta janin

<<  
mengandung dan juga seawal selepas bersalin.

Ubat antisawan/antiepilepsi dapat mengawal serangan sawan, doktor mungkin terpaksa preskripsi beberapa kategori antisawan sebelum ubat yang paling sesuai untuk puan ditetapkan.

### Persediaan untuk mengandung

Kadangkala ubat antisawan dikurangkan secara perlahan-lahan sekiranya sejarah kesihatan puan tidak ada kehadiran serangan sawan untuk 2 tahun atau lebih. Mungkin juga doktor tidak mengesyorkan penurunan dos antisawan, mungkin ubat puan akan ditukar pada ubat antisawan jenis lain. Walaubagaimanapun, puan dinasihatkan supaya memberitahu doktor akan niat untuk mengandung seawal mungkin. Sesetengah ubat membahayakan janin, walaubagaimanapun, serangan sawan lebih merbahaya pada puan serta janin. Pakar perbidanan dan juga pakar perubatan dalaman/neurologi akan berusaha menyelesaikan mencari dos optimum yang bersesuaian, jenis ubat yang selamat dan menghindarkan serangan sawan semasa mengandung.

Ubat antisawan ini memberikan kesan pada penggunaan asid folik oleh badan. Ketidakcukupan asid folik boleh mencatatkan janin. Oleh itu dinasihatkan walaupun tidak berniat untuk mengandung, pengambilan asid folik perlu dilakukan setiap hari.

Sebanyak 0.4 mg asid folik perlu diambil

setiap hari sebelum mengandung dan juga semasa tiga bulan mengandung untuk mengurangkan insiden kecacatan janin. Pakar pemakanan di hospital, jika di HUSM, mereka ditempatkan di klinik dietitik, boleh membantu puan dalam pengambilan makanan tempatan yang kaya dengan asid folik.

### Risiko pada wanita

Kekerapan serangan berubah semasa mengandung, ada yang menjadi lebih kerap, ada juga yang seperti sebelumnya dan ramai pula yang menjadi lebih selesa. Paras ubat antisawan dalam darah puan perlu diamati sekiranya serangan semakin kerap. Disebabkan perubahan ketara fisiologi badan semasa mengandung, perubahan hormon dan juga perubahan terhadap metabolisma badan terhadap ubat, ujian darah diperlukan untuk menentukan keberkesanan dos ubat antisawan yang diberikan.

### Risiko pada bayi

Secara keseluruhan, risiko untuk mendapat bayi yang cacat dalam populasi adalah sekitar 2-3%, tetapi dengan penyakit sawan, nilai ini bertambah menjadi sekitar 6-8%. Risiko ini juga berkait dengan jenis ubat antisawan yang digunakan. Di antara jenis-jenis lazim kecacatan bayi adalah seperti:

1. Sumbing bibir serta langit pada mulut.
2. Keabnormalan tiub neural, contohnya spina bifida.
3. Bayi yang rendah berat kelahiran

- nya
4. Kepala kecil
  5. Ketandusan dari segi tumbesaran serta perkembangan.
  6. Terencat mental
  7. Masalah pembekuan darah
  8. Masalah sawan pada masa hadapan.

### **Kelahiran**

Kelahiran secara normal dibolehkan, kelahiran secara pembedahan hanya apabila permasalahan obstetrik timbul.

### **Jagaan selepas bersalin**

Perubahan fisiologi badan puan selepas bersalin ke arah sebelum mengandung mengharuskan pertukaran dos dan jenis ubat antisawan yang digunakan. Ubat antisawan

ini juga boleh mengganggu paras hormon di badan puan. Ini memberikan kesan keberkesanan pada kaedah perancangan keluarga. Mungkin kaedah berlandaskan hormon menjadi kurang berkesan dan perlu diiringi dengan penggunaan metoda lain seperti kondom, ubat pembunuh sperma dan sebagainya.

Sejurus kelahiran, bayi akan disuntik dengan vitamin K, ini adalah kerana paras vitamin K yang kurang dengan penggunaan ubat antisawan. Vitamin K membantu dalam sistem pembekuan darah.

Penyusuan badan dibenarkan, hanya sedikit sahaja paras ubat antisawan terdapat dalam susu badan, walau bagaimanapun, ketetapan ini akan ditentukan oleh doktor yang merawat puan.